

# *Al-Qur'ān al-Karīm* Pusat Kebudayaan Dunia

## Hakikat Sabar Menurut Penjelasan *al-Qur'ān* (2)

Pada waktu mendapat kesusahan, memang tidak berguna berkeluh-kesah, menyesali diri atau berputus asa, kerana yang demikian itu, bukan akan menghilangkan kesusahan, tetapi akan menambahkan beratnya kesusahan. Yang sebaik-baiknya dilakukan ketika mendapat kesusahan ialah berikhtiar menyingkirkan kesusahan itu kalau dapat, sambil menyerahkan diri sepenuhnya kepada Allah *'azza wa jalla* dengan sabar.

(oleh al-Ustādh Muḥammad 'Ali al-Hamīdī)

Orang-orang yang bersikap sabar pada tempatnya yang sebenar, adalah mendapat rahmat dan *'ināyah* Allah, sebagaimana yang dijelaskan di dalam *al-Qur'ān al-Karīm*:

*"...wa bashshiri al-ṣābirīn. Alladhīna idhā aṣābathum muṣībatun qālū innā lillāhi wa innā ilayhi rāji'ūn. Ulā'ika 'alayhim ṣalawātun min rabbihim wa raḥmatun wa ulā'ika hum al-muhtadūn".*  
(154-156, al-Baqarah).

"Dan berilah khabar yang menyukakan kepada orang-orang yang sabar, iaitu mereka yang apabila ditimpa sesuatu kesusahan, mereka berkata: Sesungguhnya kami ini kepunyaan Allah dan sesungguhnya kepada-Nyalah kami akan kembali. Mereka itulah akan dilimpahkan kurnia dan rahmat daripada Tuhan mereka, dan mereka itulah orang-orang yang mendapat pertunjuk."

Dalam ayat ini Allah *'azza wa jalla* perintahkan Nabī Muḥammad *ṣallā Allāhu 'alayhi wa ālihi wa sallam* atau siapa sahaja yang membacanya, supaya menyampaikan berita yang menggembirakan

kepada orang-orang yang sabar, iaitu orang-orang yang apabila ditimpa kesusahan akan segera berkata: "Kami ini kepunyaan Allah, dan kepada-Nyalah kami akan kembali." Sebagai satu pengakuan yang tegas sekali yang menunjukkan kebulatan penyerahan diri kepada Tuhan.

Ketika ditimpa kesusahan, memang tidak ada faedahnya berkeluh-kesah, atau menyesali diri ataupun berputus asa, kerana yang demikian itu, tidak akan dapat menghilangkan kesusahan, bahkan akan menambah beratnya. Yang seelok-eloknya – ketika itu – hendaklah kita berikhtiar menyingkirkan kesusahan itu kalau dapat, sambil menyerah diri dengan sepenuhnya kepada Allah *subḥānahu wa ta'ālā* dengan sabar.

Berita yang menyukakan yang disuruh sampaikan kepada orang-orang yang sabar itu ialah mereka akan dianugerahkan Tuhan beberapa kurnia yang tidak ternilai, dan juga rahmat daripada-Nya. Kurnia dan rahmat Tuhan itu, akan

membawa mereka hidup bahagia di dunia dan selamat di akhirat.

Inilah orang yang mendapat pertunjuk dan pimpinan daripada Tuhan. Pahala yang besar itu tidak akan didapati melainkan oleh orang-orang yang sabar.

#### **Mereka dibalas dengan Sebaik-baik Balasan**

Mereka juga telah dijanjikan, firman-Nya:

“*Wa lanajziyanna alladhīna ṣabarū ajrahum bi aḥsani mā kānū ya ‘malūn.*” (96, al-Nahl).

“Sesungguhnya Kami akan balas orang-orang yang sabar itu, balasan mereka yang lebih baik daripada apa yang mereka telah kerjakan.”

Orang yang sabar itu menemui bermacam-macam ujian dan percubaan dalam menunaikan perintah-perintah Allah. Semuanya

itu diterima oleh mereka dengan sabar dan tetap hati.

Oleh sebab itu, patut benar Allah menjanjikan mereka dengan sebaik-baik balasan.

Mereka juga dijanjikan dengan balasan yang tidak terhingga. Tentang ini Tuhan berfirman:

*Qul yā ‘ibādī alladhīna āmanū ittaqū rabbakum, lilladhīna aḥsanū fī hādhihi al-dunyā ḥasanah, wa arḍū Allāhi wāsi ‘ah, innamā yuwaffā al-ṣābirūna ajrahum bi ḡhayri ḥisāb.*” (10, al-Zumar).

“Katakanlah! Hai hamba-hamba-Ku yang beriman! Berbaktilah kepada Tuhan kamu. Orang-orang yang berbuat baik di dunia ini akan mendapat balasan yang baik. Dan bumi Allah luas. Sesungguhnya orang-orang yang sabar itu, akan



Murid-murid perempuan dari Sekolah Agama, Telaga, Kuala Berang, yang telah menjadi johan dalam peraduan nasyid, pada Malam Rampaian Sekolah-sekolah Agama Ulu Terengganu baharu-baharu ini, bergambar dengan guru besar mereka.

disempurnakan balasan pahala mereka dengan tidak terkira.”

Dalam ayat ini, orang-orang yang beriman disuruh berbakti kepada Allah, iaitu mengerjakan perintah-Nya dan menjauhkan larangan-Nya, dengan tulus ikhlas kerana-Nya.

Berbakti kepada Allah, berbuat baik di dunia, dan tidak berputus asa ketika dihalangi menyiarkan agama Allah, ialah sifat-sifat orang yang sabar, dan barangsiapa bersabar dalam menjalankan perintah-Nya, nescaya beroleh pahala yang tidak terkira.

### Balasan Syurga

Mereka juga dijanjikan dengan balasan syurga, sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah *‘azza wa jalla*:

*“Jannātu ‘adnin yadkhulūnahā wa man ṣalaḥa min ābā’ihim wa azwājihim wa dhurriyyātihim wa al-malā’ikatu yadkhulūna ‘alayhim min kulli bāb. Salāmun ‘alaykum bimā ṣabartum fa ni‘ma ‘uqbā al-dār.*

(23-24, al-Ra’d)

“Syurga *‘Adnin*, mereka akan memasukinya, dan juga orang-orang yang beramal soleh dari bapa-bapa mereka, isteri-isteri mereka, dan juga anak-anak cucu mereka, dan malaikat pula akan masuk kepada mereka dari tiap-tiap pintu, sambil mengucapkan: “Sejahtera atas kamu kerana kamu telah bersabar, maka inilah sebaik-baik tempat kesudahan.”

Besar sungguh balasan yang akan didapati oleh orang-orang yang sabar. Selain daripada berbagai-bagai kurnia dan rahmat! Mereka juga akan dimasukkan ke tempat yang sebaik-baiknya, iaitu syurga *‘Adnin*.

Syurga ialah tempat yang diharap-harapkan oleh tiap-tiap pemeluk agama di dunia ini hendak masuk ke dalamnya. Tempat kesenangan yang tidak ada sebarang kesusahan di dalamnya

selama-lamanya. Tempat bersukaria dan bersenang-lenang. Tempat tinggal bagi Nabī-nabī, orang-orang yang soleh, dan orang-orang yang mati syahid pada jalan Allah. Maka di tempat yang mulia dan suci itulah orang-orang yang sabar akan dimasukkan ke dalamnya.

Berbahagiaalah orang-orang yang sabar itu. Di dunia hidupnya sentosa dan tenang tenteram, kerana hati mereka tidak dapat diganggu oleh ujian dan kesusahan apa juga, dan di akhirat pula akan dimasukkan ke syurga *‘Adnin* bersama-sama ibu bapa mereka, isteri-isteri mereka dan anak cucu mereka yang beramal soleh, mereka berdiamlah dan bersenang-senang di dalamnya selama-lamanya.

Mudah-mudahan Allah jadikan kita dari golongan orang-orang yang sabar itu, yakni sabar yang dikehendaki oleh agama Islam.

Siapakah di antara sahabat Anṣār yang utama?

Jawabnya ialah

### Sa‘ād ibn Mu‘ādh

Bangsawan kabilah Aws yang utama yang banyak jasanya kepada Islam: Perjuangannya, hidupnya dan matinya semata-mata kerana Allah.

“Kematian Sa‘ad ibn Mu‘ādh adalah satu kehilangan yang sangat besar bagi kaum Muslimin” – kata *Umm al-Mu‘minīn ‘Ā’ishah*.

Perjuangannya? Baca sejarahnya dalam buku ini.

Sejarah Syuhada Islam 5.

Senaskah hanya 50 sen *post*

10 sen.